

UPM terima sumbangan RM1 juta

INSTITUSI pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS) umpamanya sentiasa melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pastinya memerlukan dana yang besar.

Bagi IPTA sebahagian besar dana pengurusan dan penyelidikan mereka disediakan oleh kerajaan menerusi bajet setiap tahun.

Walau bagaimanapun, dana yang diberi kadangkala tidak mencukupi bagi melaksanakan penyelidikan-penyelidikan berimpak tinggi.

UPM antara IPTA yang tidak terkecuali, bagaimanapun kerajaan memberi kelonggaran untuk institusi berkenaan mencari dan menyediakan dana sendiri.

Baru-baru ini, UPM menerima Dana Endowmen yang bernilai RM1 juta hasil sumbangan peribadi pemilik Westar Group, **Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim.**

Yang turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Anuwar Ali; Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin; dan Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Ir. Renuganth.

Jelas Syed Azman, sumbangan tersebut adalah bertujuan meningkatkan potensi dan inovasi dalam bidang Kejuruteraan Aeroangkasa dan

UTUSAN MALAYSIA
2/3/2017 p.20

UPM sememangnya bertuah menerima sumbangan dana sejumlah RM1 juta yang mana akan digunakan untuk meningkatkan potensi dan inovasti dalam bidang Kejuruteraan Aeroangkasa juga bidang-bidang strategik lainnya."

bidang lain yang strategik.

"Sumbangan ini merupakan permulaan kerjasama antara UPM dan Weststar Group yang mengendalikan perkhidmatan sewa khas pesawat.

"Di Weststar Group kami bermula dengan dua buah pesawat dan kini 41 buah pesawat kesemuanya. Oleh itu kami memerlukan lebih ramai jurutera tempatan untuk tujuan penyelenggaraan," katanya ketika ditemui di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Tambah Syed Azman, kini pihaknya memiliki beberapa orang jurutera untuk tujuan tersebut dan sebahagian

besarnya dari luar negara.

Inisiatif kerjasama UPM dan Weststar tersebut seiring dengan pelaksanaan program *Penta Helix Engagement Model* yang baharu diperkenalkan pada tahun ini.

Program itu turut melibatkan hubungan kerjasama yang erat, kukuh dan sinergistik di antara ahli akademik, industri, komuniti, kerajaan dan pemberi dana (*philanthropist*).

Menurut Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris**, model itu juga mampu memacu transformasi pendidikan tinggi ke arah kegemilangan dan kecemerlangan khususnya bagi UPM.

"UPM sememangnya bertuah menerima sumbangan dana sejumlah RM1 juta yang mana akan digunakan untuk meningkatkan potensi dan inovasti dalam bidang Kejuruteraan Aeroangkasa juga bidang-bidang strategik lainnya.

"Satu perjanjian pemberian Dana Endowmen Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim juga telah dimeterai antara UPM dan Weststar Group," katanya.

Difahamkan UPM akan menggunakan dana tersebut dalam jangka masa 10 tahun dan akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan mereka. - **ASHRIQ FAHMY AHMAD**



DR. AINI IDERIS (tengah) bersama Syed Azman Syed Ibrahim (dua dari kanan) menunjukkan replika cek RM1 juta pada majlis menandatangani memorandum persefahaman pemberian Dana Endowmen Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim antara UPM, sambil diperhatikan oleh Dr. Ir. Renuganth (kiri sekali), Dr. Nayan Ariffin (dua dari kiri) dan Dr. Anuwar Ali (paling kanan) di UPM, Serdang, Selangor hari ini.